

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN II - PERKAHWINAN

Permulaan Kepada Perkahwinan

Seksyen 16. Permohonan untuk kebenaran berkahwin.

- (1) Bilamana dikehendaki untuk mengakadnikahkan sesuatu perkahwinan dalam Negeri Melaka setiap satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu hendaklah memohon dalam borang yang ditetapkan untuk kebenaran berkahwin kepada Pendaftar bagi kariah masjid di mana pihak perempuan itu bermastautin.
 - (2) Jika pihak lelaki bermastautin di kariah masjid yang berlainan daripada kariah masjid pihak perempuan atau bermastautin di mana-mana Negeri, permohonannya hendaklah mengandungi atau disertai dengan pernyataan Pendaftar bagi kariah masjidnya atau oleh pihak berkuasa yang hak bagi Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bermaksud bahawa setakat yang dapat dipastikannya perkara-perkara yang disebut dalam permohonan itu adalah benar.
 - (3) Permohonan setiap satu pihak hendaklah disampaikan kepada Pendaftar sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang dicadangkan bagi perkahwinan itu, tetapi Pendaftar boleh membenarkan masa yang lebih singkat dalam mana-mana kes tertentu.
 - (4) Permohonan kedua-dua pihak hendaklah dianggap sebagai suatu permohonan bersama.
-